



PANGLIMA

MUDA

B. Harian (M)

24 FEB 1990

TIGA tahun lalu, dia dibelasah oleh orang yang tidak dikenali ketika berjoget lambak di sebuah kampung di Melaka.

Selepas kejadian itu, Mohd Abdul Hadi Hassan, bertekad untuk belajar silat sebagai penderinding diri. Niat itu hanya dapat ditunaikan setahun kemudian selepas keluarganya mengizinkan dia berbuat demikian.

Awal tahun ini dia keluar gelanggang dan mula 'membelasah' lawannya hingga dirinya kini digelar Hang Tush Moden.

Pemuda berusia 23 tahun itu kini adalah pesilat terbaik Kelas G negara, setelah merangkul pingat emas dalam Kejohanan Silat Melaka dan Silat Kebangsaan, baru-baru ini.

Dalam laluan merangkul juara Kelas G pada kejohanan peringkat Melaka 19 Januari lalu, Hadi menewaskan tiga lawannya dengan pukulan KO.

Tetapi paling membanggakkannya ialah keupayaan menumbangkan jajah kebangsaan yang juga peme-

gang pingat emas Kelas G Sukan SEA XV, Wan Amiruddin Baki Abu Bakar dari Selangor, pada kejohanan kebangsaan minggu lalu.

Dia kemudian menewaskan Nazri Samah (Lincih) untuk muncul sebagai juara baru Kelas G.

Kelincahan bersilat anak muda berasal dari Johor itu menambat peminat silat olahraga dan keputusan penganjur memberikan gelaran Pesilat Harapan adalah tepat.

Menurut Hadi dia belajar silat cuma sebagai pelindung diri dan bukan untuk bergaduh.

"Saya bertanding sebagai mencari pengalaman. Itupun selepas keluarga saya yang kebanyakannya adalah ahli silat, mendesak supaya mencuba nasib dalam kejohanan silat peringkat negeri bulan lalu. Itulah detik permulaannya," katanya.

Lima daripada sembilan adik beradiknya, termasuk tiga adik perempuan, adalah ahli Persatuan Seni Silat Kunci Melayu Melaka, (Sikume). Semua mereka mengambil bahagian di kejohanan kebangsaan minggu lalu. Adiknya, Hadilah, juga menunjukkan prestasi

si agak baik sebelum tewas pada peringkat akhir bagi Kelas A.

"Saya perlu bersungguh-sungguh dalam mengejar cita-cita. Ketekunan dan kesungguhan menjadi faktor penting dalam menjamin kejayaan, dalam apa juga bidang diceburi," jelasnya.

Mengenai kemonongannya ke atas Wan Aminuddin, dia berkata; "Setiap pesilat harus peka mencari kelemahan lawan dan sabar. Sebab itu saya menggunakan taktik serang jarak dekat, kerana hanya dengan cara itu dapat mematikan langkah lawan yang lebih tinggi."

Katanya dia akan terus bertanding dalam setiap kejohanan diadakan dan mahu menjadi pesilat yang disegani.

Jurulatihnya, S B Afeid Buang, berkata Hadi adalah murid yang akur kepada perintah dan tekun ketika belajar.

Katanya ketika belajar silat di gelanggang Batu Lima, Batu Berendam, Melaka, dia jarang ponteng, walaupun mengalami kecederaan ketika latihan.

DATA JAGUH

PERATURAN SILAT

- Pertandingan diadakan dalam tiga pusingan dan setiap pusingan selama dua minit
- Pesilat hanya dibenarkan membuat pukulan di kawasan sasaran antara bawah leher dan atas pusat lawan
- Pukulan pada tempat yang dilarang akan ditolak satu mata
- Tumbukan dikira 1 mata
- Tendang 2 mata
- Tepis dan tumbuk 2 mata
- Tepis dan tendang 3 mata
- Kunci 5 mata



CUBA BANGUN....Hadi (kanan) menunggu peluang untuk membuat gerakan dalam pertawanan akhir Kelas G menentang pesilat Lincih, Nazri Samah